



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 2 TAHUN 1995

**PERUBAHAN KADAR BAYARAN SYARAHAN SAMBILAN,
ELAUN KHAS PENTADBIRAN DAN ELAUN PENGETUA ASRAMA
DI INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI**

TUJUAN

1. Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan keputusan

Kerajaan untuk:

- (a) Meminda nama Bayaran Syarahan Sambilan kepada Bayaran Syarahan Akademik Sambilan;
- (b) Meminda kadar Bayaran Syarahan Akademik Sambilan, Elaun Khas Pentadbiran dan Elaun Pengetua Asrama di institusi-institusi pendidikan tinggi; dan
- (c) Menetapkan syarat-syarat kelayakan Bayaran Syarahan Akademik Sambilan di institusi-institusi pendidikan tinggi.

LATAR BELAKANG

2. Bayaran Syarahan Sambilan dan Elaun Khas Pentadbiran telah diperuntukkan kepada mereka yang berkenaan melalui [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1985](#). Elaun Khas Pentadbiran adalah elaun-elaun yang merangkumi Elaun Dekan, Elaun Timbalan Dekan dan Elaun Ketua Jabatan, manakala Elaun Pengetua Asrama pula diperuntukkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil... Tahun 1975 mengenai perubahan gaji dan syarat-syarat perkhidmatan bagi pekerja-pekerja Badan-badan Berkanun di Malaysia bertarikh 15 Januari 1975.

KADAR BARU DAN KELAYAKAN

3. Bayaran Syarahan Akademik Sambilan telah ditetapkan atas kadar **RM100.00 sejam** dengan had maksimum sebanyak **RM1,200.00 sebulan**. Bayaran ini hanya layak dibayar kepada pensyarah sambilan yang dilantik untuk memberi syarahan akademik dalam sesuatu bidang pengajian kepada pelajar-pelajar di institusi pendidikan tinggi berkenaan.

4. Elaun Khas Pentadbiran dan Elaun Pengetua Asrama merupakan imbuhan galakan untuk pegawai akademik di universiti-universiti dan Institut Teknologi MARA yang dilantik untuk menjalankan tugas tambahan yang berkaitan. Kadar elaun-elaun tersebut adalah seperti berikut:

(a) Elaun Khas Pentadbiran	Kadar Sebulan (RM)
Elaun Dekan	500.00
Elaun Timbalan Dekan	400.00
Elaun Ketua Jabatan	300.00
(b) Elaun Pengetua Asrama	400.00

**PERLANTIKAN PENSYARAH SAMBILAN DAN SYARAT-SYARAT
KELAYAKAN BAYARAN SYARAHAN AKADEMIK SAMBILAN**

5. Perlantikan pensyarah sambilan adalah di bawah bidang kuasa Dekan atau Ketua Jabatan di institusi pendidikan tinggi berkenaan. Pensyarah sambilan dilantik daripada pensyarah-pensyarah yang berkelayakan dari fakulti yang sama atau berlainan di universiti yang sama atau dari universiti yang berlainan sekiranya tidak ada kepakaran di universiti yang sama. Lantikan juga boleh dibuat daripada kalangan pegawai sektor awam yang mempunyai kelulusan akademik yang diperlukan. Walau bagaimanapun, keutamaan perlu diberi kepada pensyarah di universiti yang sama.

6. Pensyarah yang dilantik sebagai pensyarah sambilan perlu mendapat kelulusan Dekan atau Ketua Jabatan masing-masing. Pensyarah juga dikehendaki membuat laporan kepada Dekan atau Ketua Jabatan berhubung dengan Bayaran Syarahan Akademik Sambilan yang diterima.

7. Bayaran Syarahan Akademik Sambilan adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) Wujud kekosongan jawatan pensyarah atau penyandang jawatan pensyarah berkenaan meninggalkan tugas bagi tempoh yang panjang seperti cuti sabbatical, cuti bersalin, cuti haji dan cuti belajar;
- (b) Jawatan pensyarah yang kosong atau penyandanginya meninggalkan tugas bagi tempoh yang berpanjangan dan tidak ditanggung kerja oleh pensyarah yang dilantik secara sambilan atau pensyarah lain;
- (c) Perlantikan sebagai pensyarah sambilan tidak menjejaskan tugas hakiki pensyarah berkenaan; dan
- (d) Tugas sebagai pensyarah sambilan adalah merupakan tugas tambahan selain daripada tugas hakiki jawatannya.


TARIKH KUATKUASA

8. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

PINDAAN

9. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling ini, perenggan 1.1 dan 1.2 **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1985** dan perenggan 75 (a) (iv) dan (b) (i) Pekeliling Perkhidmatan Bil..... Tahun 1975 bertarikh 15 Januari 1975 adalah dipinda.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATUK WIRA HJ. MOHD. ZAM BIN ABDUL WAHAB)

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

Jabatan Perkhidmatan Awam,
Malaysia,
Kuala Lumpur.

1 Julai 1995

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

s.k.:

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan